

BULETIN UTHM

Bil.6 Jun 2023 | ISSN 2232-0415



Canselor UTHM kunjungi kampus induk, erat hubungan dengan warga

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 Canselor UTHM kunjungi kampus induk, erat hubungan dengan warga
- 3 Penyelidik UTHM perkenal konsep eko-pelayaran sungai, bantu rancakkan aktiviti pelancongan Batu Pahat
- 4 UTHM diiktiraf sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited Peringkat Kebangsaan
- 5 UTHM diiktiraf sebagai 10 pusat latihan pensijilan terbaik oleh Certiport Authorized Testing Center
- 7 Produk penyelidikan UTHM 'The Babylaena' dapat pengiktirafan nano oleh MOSTI
- 8 Pelajar dan pensyarah UTHM raih tempat di CHESS Petronas 2023
- 11 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Emy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





Canselor UTHM kunjungi kampus induk, erat hubungan dengan warga

BATU PAHAT - Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor yang merupakan Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini berkenan mengunjungi kampus induk sempena sambutan 30 tahun penubuhan universiti.

Kunjungan Tunku Canselor ke kampus melalui Program Kembara Canselor @ UTHM bertujuan untuk mengenali dengan lebih dekat kepimpinan tertinggi universiti serta merapatkan lagi hubungan dengan staf dan pelajar UTHM.

Dalam rangka lawatan tersebut, Tunku Canselor berkenan melawat pameran produk inovasi dan beramah mesra dengan para penyelidik universiti.

Tunku Canselor juga berkesempatan bertemu dengan sekumpulan pendaki wanita yang bakal menjayakan program 'Wanita Kinabalu sempena sambutan 30 tahun UTHM' serta berkenan melancarkan penubuhan sukarelawan UTHM iaitu Southern Volunteers UTHM Chapter.

Tunku Canselor turut merasmikan penubuhan Pejabat Yayasan UTHM yang berperanan sebagai sebuah badan yang bukan

berorientasikan keuntungan tetapi terlibat dalam pengumpulan dan pengagihan dana bagi tujuan kebajikan.

Lawatan yang mengambil masa kira-kira dua jam itu memberi kesempatan kepada Tunku untuk bertemu dengan kumpulan kepimpinan pelajar dalam satu sesi santai yang diadakan di Kolej Kediaman Tun Dr. Ismail, kampus induk.

Pada pertemuan tersebut, Tunku Canselor berkenan menyerahkan bantuan kepada golongan Asnaf Pelajar UTHM sebagai tanda prihatin.

Hadir sama, Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi dan Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad.

Sementara itu, Naib Canselor UTHM, Profesor Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim menzahirkan penghargaan dan rasa terima kasih beliau di atas kesudian Tunku Canselor melawat kampus dan bertemu dengan warganya.

"Pertemuan ini sangat bermakna kepada universiti memandangkan ini kali pertama kunjungan rasmi Tunku setelah dimasyhurkan sebagai Canselor UTHM yang baharu pada 3 Disember 2022 lalu," katanya.



Untuk rekod, UTHM menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-30 pada tahun ini.

Bermula dengan penubuhan Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP), universiti ini dinaik taraf sebagai Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996, diikuti dengan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (KUiTTHO) pada 30 September 2000 sehinggalah diumumkan sebagai Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 1 Februari 2007.

Seiring dengan pertambahan usianya, UTHM terus komited dalam menyebarkan ilmu pengetahuan dan menghasilkan graduan yang dapat memenuhi keperluan industri, komuniti dan negara.

UTHM juga komited dalam meneruskan usaha menjayakan misi dan visinya untuk menjadi universiti teknikal bertaraf global dan universiti teknousahawan menjelang tahun 2030.



Penyelidik UTHM perkenal konsep eko-pelayaran sungai, bantu rancakkan aktiviti pelancongan Batu Pahat



BATU PAHAT – Bagi membantu merencanakan lagi aktiviti pelancongan daerah Batu Pahat, sekumpulan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diketuai oleh Profesor Ts. Dr. Seow Ta Wee telah bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) bagi melaksanakan kajian berkaitan potensi pembangunan Sungai Batu Pahat sebagai pusat eko-pelayaran.

Pembangunan konsep eko-pelayaran sungai merupakan satu konsep penerapan alam sekitar dalam memastikan kelestarian sungai sebagai medium suntikan pembangunan terbaharu sektor pelancongan di kawasan pesisiran sungai dapat direalisasikan.

Hasil kajian pasaran serta perbincangan kumpulan fokus (FGD) mendapati majoriti responden yang terlibat dalam kajian tersebut bersetuju Sungai Batu Pahat dibangunkan sebagai kawasan eko-pelancongan baharu.

Projek tersebut dijangka mampu menarik kehadiran pelancong tempatan dan antarabangsa serta dapat menjadi pemangkin pembangunan sosio-ekonomi yang beridentitikan tempatan.

Selain itu, hasil kajian yang dijalankan pada 2021 hingga 2022

itu juga bakal menjadikan Sungai Batu Pahat sebagai kawasan eko-pelancongan, sekali gus berupaya meningkatkan kesedaran umum terhadap penjagaan alam sekitar, habitat haiwan, pembangunan *waterfront* serta dapat menonjolkan lagi imej bandar Batu Pahat melalui penglibatan penduduk tempatan dan pihak-pihak berkepentingan.

Projek eko-pelayaran yang dicadangkan oleh para penyelidik UTHM itu akan bertumpu di sepanjang Sungai Batu Pahat bermula dari Benteng Batu Pahat iaitu di sebelah Jambatan Tun Abdul Razak sehingga ke Pulau Sialu dengan anggaran jarak perjalanan sejauh kira-kira 4.5 kilometer.

Menurut Ta Wee, sebanyak 18 lokasi telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk dijadikan kawasan pelancongan di sepanjang titik pelayaran tersebut.

“Pihak kami percaya pembangunan kawasan *waterfront* yang menghadap Sungai Batu Pahat akan dapat menarik perhatian pelancong untuk menggunakan perkhidmatan eko-pelayaran sungai dari Bandar Batu Pahat ke Pulau Sialu,” katanya.

Tambah beliau, konsep eko-pelayaran sungai yang dicadangkan itu akan melalui

kawasan bandar Batu Pahat, habitat paya bakau, habitat burung, burung bermusim serta habitat buaya, kawasan pertanian serta pemandangan indah Gunung Banang, Bukit Penggaram dan Bukit Soga.

“Kewujudan seperti rumah api di Pulau Sialu dan di Bukit Segenting, jambatan cinta di perkampungan nelayan Segenting serta pemandangan senja yang indah di muara Sungai Batu Pahat juga diharap dapat menjadi tarikan istimewa untuk para pengunjung.

“Dengan kekayaan alam semula jadi yang terdapat di sepanjang pelayaran ini, pelancong juga dapat dididik dengan amalan cintakan alam sekitar,” katanya.

Untuk rekod, konsep eko-pelayaran Rio Feroso itu telah berjaya meraih beberapa anugerah dalam pertandingan penyelidikan dan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Antaranya pernah meraih pingat emas dan perak di 34th International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX 2023) dan di International Research and Innovation Symposium and Exposition (RISE2022).



UTHM diiktiraf sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited Peringkat Kebangsaan

PAGOH - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah diiktiraf sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited peringkat kebangsaan buat kali kedua berturut-turut.

Pengiktirafan tersebut diterima hasil inisiatif dua kolej kediaman iaitu Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP) dan Kolej Kediaman Luar Kampus (KKLK) yang sebelum ini juga pernah mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan dan negeri.

Anugerah tersebut telah disampaikan sempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 dan Ulang Tahun Ke-75 Bulan Sabit Merah yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor pada 18 Jun 2023 lalu.

Sijil dan plak pengiktirafan bagi kedua-dua anugerah tersebut diterima oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Halim Irwan Ibrahim, Pengarah Pusat Perumahan Pelajar (PRP) selaku wakil rasmi Naib Canselor UTHM.

Beliau berharap agar usaha-usaha murni itu dapat terus dikekalkan di kolej-kolej kediaman UTHM sebagai salah satu acara tahunan, yang mana dapat memberi manfaat kepada individu atau organisasi yang memerlukan bekalan darah.

Tambah beliau, UTHM sentiasa merencana dan menyokong penuh program-program berimpak yang dijalankan di kolej-kolej kediaman pelajar, yang mana ianya akan memberikan satu pendedahan dan nilai tambah kepada mahasiswa selaras dengan pembentukan diri nilai graduan Global, Resilience, Innovative, Trustworthy, Talent (GRITT) Kolej Kediaman yang bertunjangkan paradigma tauhid.

Sementara itu penasihat program, Dr. Mohd Faisal Hushim merangkap Timbalan Pengetua 1 KKKP pula berkata selain pengiktirafan peringkat kebangsaan, UTHM turut diiktiraf di peringkat negeri Johor sebagai penganjur kempen derma darah dengan kutipan paling tinggi pada tahun 2022.

Jelas beliau, UTHM telah berkerjasama rapat dengan Unit Perubatan Tranfusi, Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) Muar bagi menjayakan program derma darah yang bertempat di kawasan kolej kediaman.

“Pihak UTHM dan HPSF meletakkan sasaran sekurang-nya satu kali program dijalankan setiap bulan dengan sasaran kutipan beg darah tidak kurang 500 beg setahun.

“Selari dengan tema sambutan tahun ini, ‘Derma Darah, Derma Plasma, Derma Berterusan, Demi Kehidupan’, pihak kami akan terus komited selaku penganjur untuk terus mengadakan kempen derma darah demi kebaikan dan kelangsungan para penerima darah,” katanya.

Pengiktirafan yang diberikan ini secara langsung telah meningkatkan lagi semangat warga UTHM untuk terus menjadi tunjang utama bagi memastikan stok darah sentiasa dalam keadaan yang optimum.



UTHM diiktiraf sebagai 10 pusat latihan pensijilan terbaik oleh Certiport Authorized Testing Center

KUALA LUMPUR - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diiktiraf oleh Certiport Authorized Testing Center sebagai 10 pusat terbaik yang menawarkan program latihan pensijilan di Malaysia.

Pengiktirafan tersebut diberikan melalui anugerah Top 10 Malaysia's Certiport Authorized Testing Centre (CATC) sempena berlangsungnya 'The Micro-Credentials Education Summit 2023' (MCES) yang diadakan pada 1 Jun 2023 lalu bertempat di Connexion Conference & Event Centre, Bangsar South, Kuala Lumpur.

Anugerah yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Qualifications Agency (MQA), Dato' Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran itu diterima oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad selaku wakil UTHM.

Menurut penyelaras Pusat Ujian Certiport, UTHM, Dr. Norhaidah Mohd Asrah, Certiport di bawah syarikat Pearson Vue merupakan penyedia utama dalam pembangunan peperiksaan bagi tujuan pensijilan.

"Rangkaian Certiport diguna secara meluas oleh pusat-pusat latihan pensijilan seluruh dunia.

"Peperiksaan pensijilan yang dijalankan adalah mengikut piawaian global untuk meningkatkan produktiviti individu, daya saing dalam pasaran industri dan memberi nilai tambah dalam pembangunan kerjaya," jelas beliau.

Akademi Intelak dan Data Analitik (AI.DA), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) menjalankan sepenuhnya program pensijilan profesional menggunakan perkhidmatan Certiport bagi pensijilan Microsoft yang telah ditawarkan sejak kewujudannya pada tahun 2020.

Pada majlis tersebut, dua pelajar UTHM iaitu Muhammad Hamizan Yusof dan Nur Izzati Hasanah Zainal turut menerima anugerah sempena kejayaan mereka dalam Malaysia National Championship 2023 (Microsoft Office Specialist).

Kedua-dua pelajar dari Pusat Pengajian Diploma tersebut meraih tempat kedua dan ketiga bagi kategori Microsoft Word (Office 2019).

Bertemakan ‘Future Proof of Economy,’ MCES anjuran Acestar Sdn. Bhd merupakan satu platform yang unik untuk perkongsian maklumat serta pengetahuan terkini dan lengkap berkaitan kelayakan mikro (*micro credential*) yang kian diiktiraf di seluruh dunia.

Dalam majlis yang sama, wakil AI.DA, Profesor Ts. Dr. Aida Mustapha turut dijemput sebagai salah seorang panel forum yang membincangkan topik ‘Setting a Global Standard: Collaborative Efforts among Universities Created a Top-Tier Testing Center.’

Penganjuran forum tersebut bertujuan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran yang terdiri daripada wakil kerajaan, industri, institusi pendidikan

serta kumpulan fokus utama iaitu pelajar universiti dan sekolah.

Kupasan forum tersebut membantu pelajar meningkatkan kebolehpasaran mereka, menyesuaikan diri dengan permintaan industri dan mempamerkan kepakaran masing-masing kepada bakal majikan.

Untuk rekod, AI.DA telah berjaya menjalankan siri latihan pensijilan profesional sejak tahun 2020 dan kini lebih 800 pensijilan berjaya diperolehi oleh pelajar dan staf di seluruh Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi AI.DA di <https://aida.uthm.edu.my/>





Produk penyelidikan UTHM 'The BabyLaena' dapat pengiktirafan nano oleh MOSTI

BATU PAHAT - Produk krim bayi 'The BabyLaena' hasil penyelidikan Syarikat Terbitan Universiti, ProNature Living Solutions Sdn. Bhd. berjaya mendapat pengiktirafan nano daripada NanoMalaysia Berhad (NMB), salah satu agensi dibawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) dengan kerjasama Sirim QAS International.

Pengiktirafan itu diberikan setelah produk tersebut lulus kriteria penilaian dan berjaya memenuhi keperluan teknikal untuk NANOVerify Programme (*Product Certification System: Type 5*).

The BabyLaena yang dihasilkan oleh empat penyelidik UTHM iaitu Profesor Madya Dr. Noor Akhmazillah Mohd Fauzi, Ts. Dr. Aliff Hisham A Razak, Ts. Dr. Sity Aishah Mansur dan Profesor Madya Dr. Angzzas Sari Mohd Kassim merupakan produk nanoteknologi ke-22 yang telah disenaraikan di bawah NANOVerify Programme dan telah diperakui di Malaysia.

Menurut Dr. Noor Akhmazillah, pengiktirafan itu turut diterima kerana produk yang dihasilkan mempunyai elemen nano yang bersaiz 1 sehingga 100 nm.

Jelas beliau, penghasilan *The BabyLaena* bermula dengan kajian terhadap ekstrak tumbuhan herba *Chromolaena odorata* (pokok kapal terbang) pada tahun 2018 dan seterusnya pembangunan formulasi dibangunkan secara saintifik, sehinggalah prototaip berjaya dihasilkan pada tahun 2021.

"*The BabyLaena* merupakan krim penyembuhan luka yang sangat sesuai untuk bayi dan kanak-kanak.

"Ia juga berjaya mendapat nombor notifikasi daripada *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA) selain sijil *Good Manufacturing Practice* (GMP) daripada Kementerian Kesihatan Malaysia," katanya.

Pengiktirafan nano tersebut membolehkan produk *The*

BabyLaena menggunakan logo NANOVerified dengan nombor siri NV2022030, sekali gus memberi jaminan bahawa produk itu berkualiti tinggi dan berkesan kepada pengguna.

Pengiktirafan itu juga membuktikan UTHM komited dalam menghasilkan produk yang berkualiti tinggi di makmal, di samping dapat menggalakkan lagi penghasilan 'nanotechnopreneurs' dalam kalangan para penyelidik universiti.



NV2022030
Certified Genuine Nanotechnology



Pelajar dan pensyarah UTHM raih tempat di CHESS Petronas 2023

KUALA LUMPUR – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencipta rekod membanggakan apabila pelajar dan pensyarahnya berjaya meraih gelaran juara, tempat ketiga dan kelima ketika menyertai Simposium 'Collaboration with Higher Education Strategic Initiatives' (CHESS) anjuran PETRONAS pada 4 Jun 2023 lalu bertempat di Pusat Konvensyen KLCC.

Pelajar ijazah doktor falsafah Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Shaktivell M.Letchumanan melalui pembentangannya "Smart AI Predictive Maintenance On Piping System Using Composite Wrapper" meraih tempat pertama bagi kategori "AI & Robotics" dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM1 ribu.

Manakala pelajar Sarjana Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Naqibah Solehah Md Amin mendapat tempat ketiga bagi kategori "New Energy and Sustainability" dan pensyarah Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Profesor Madya Dr. Md Asrul Nasid Masrom pula mendapat tempat kelima bagi kategori "Data analytics & IOT."

Pemenang pertama, kedua dan ketiga setiap kategori juga diberikan tajaan yuran masuk ke persidangan "Future Energy Leaders & Energy Asia" anjuran PETRONAS yang bernilai RM5 ribu setiap satu.

Menurut Datuk Bacho, simposium tersebut diadakan bertujuan mempamerkan hasil penyelidikan dan teknologi yang berpotensi supaya dapat merencanakan lagi kolaborasi antara universiti dan PETRONAS, sekali gus memberi pelbagai manfaat kepada negara amnya dan PETRONAS khususnya.

Simposium yang disertai oleh lebih 20 universiti tempatan itu dirasmikan oleh Naib Presiden Kanan Petronas, Datuk Bacho Pilong.

Hadir sama ke majlis perasmian, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof. Dr. Azlinda Azman.

Selain pameran teknologi, simposium tersebut diisi dengan pertandingan peringkat akhir 'Innovation Pitch' yang mana 19 kumpulan telah membentangkan inovasi mereka kepada panel industri yang berpengalaman.

19 kumpulan tersebut merupakan kumpulan yang telah disenarai pendek daripada lebih 90 penyertaan yang diterima di peringkat awal.

Seramai 41 pelajar UTHM juga turut menyertai simposium tersebut dan memanfaatkan peluang untuk berinteraksi dengan staf PETRONAS, ceramah kerjaya dan peluang-peluang lain yang ditawarkan oleh syarikat terbabit.

Menurut Timbalan Pengarah Pusat Inovasi & Pengkomersialan (ICC), UTHM, Dr. Noor Azizi Mardi, kejayaan pelajar UTHM dan maklum balas positif semasa pameran menunjukkan penyelidikan yang dijalankan di UTHM adalah relevan dan berpotensi untuk dikembangkan ke skala yang lebih besar.

“Kesudian Petronas untuk bekerjasama dengan universiti tempatan termasuk UTHM menunjukkan syarikat Fortune-500 tersebut amat menitikberatkan pembangunan teknologi tempatan.

“Peluang ini perlu dimanfaatkan oleh semua dalam menyelesaikan isu-isu tempatan terutama yang terkait dengan kelestarian dan tenaga baharu,” katanya.

Beliau mewakili ICC turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penyertaan tersebut terutama kepada penyelarass UTHM-CHESS, Dr. Wan Nurul Karimah Wan Ahmad, Bahagian Pengurusan Fasilitas Pejabat Pendaftar, staf-staf dan para pelajar.

Amanah · Profesional · Inovatif

Tahniah
Kepada pemenang
PETRONAS CHESS SYMPOSIUM 2023
Innovation Pitch Competition

JUARA
dalam kategori
AI & Robotics (RM1000)
Tajuk Projek
Smart AI Predictive Maintenance on Piping System Using Composite Wrapper
Nama Pembentang
Shaktivel M Letchumanan
Ahi Kumpulan
Ts. Dr. Ahmad Mubarak bin Tajul Arifin
Ragu Chanthirapillai
Narendran Rao Subba Rao

TEMPAT KETIGA
dalam kategori
New Energy & Sustainability (RM600)
Tajuk Projek
Formulation of Nanoparticles as a Fuel Additive to Improve Energy Efficiency in Diesel Engine
Nama Pembentang
Naqibah Solehah binti Md Amin
Ahi Kumpulan
Ts. Dr. Abdul Fathul Hakim bin Zulkifli
Prof. Madya Ts. Dr. Nur Hanis Hayati
Suzi Harom

TEMPAT KELIMA
dalam kategori
Data Analytics & IOT (RM200)
Tajuk Projek
PERFORMA.my - A Smart Diagnostic Tool for Measuring Project Performance Towards Improving Sustainable Development
Nama Pembentang
Prof. Madya Dr. Md Asrul Nasid bin Masrom
Ahi Kumpulan
Sr. Ts. Zanaila Ahamad
Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Sulzakimin Mohamed
Prof. Madya Ts. Dr. Goh Kai Chen
Prof. Ts. Dr. Seow Ya Wee

Ikhtis daripada
Pengerusi, Ahli Lembaga Pengarah Universiti,
Naib Conelor dan Seluruh Warga UTHM





IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME



Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

PENGANALISA WEB

WEB SPECIALIST

PEMBANGUN KANDUNGAN
WEB

PENGURUS PROJEK WEB

PEREKA WEB



KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini



DISRUPTIVE INNOVATIONS TOWARDS ICT CONVERGENCE

Editors : Atijah Marsithi, Azrin Azli Suhaimi, Mohd Helmy Abd Wahab, Radzi Ambar
978-967-0061-59-7

RM41.00

The writing of the chapters in the book entitled Disruptive Innovations Towards ICT Convergence came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of the chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



PENEROKAAN DAN PEMBANGUNAN KERANGKA KECEMERLANGAN BAKAT BEKERJA BAGI PELAJAR TVET

Amanina Muhamad Sanusi, Saifullizam Puteh

978-967-0061-89-4


RM72.00

Buku ini merupakan sebuah kajian berkaitan ke arah penghasilan pelajar cemerlang yang berbakat di institusi pengajian tinggi. Melalui buku ini pelbagai kaedah penguasaan pelajar terhadap bakat kemahiran tinggi dapat digunakan dalam usaha menjadikan pelajar TVET berbakat dalam bekerja. Malahan juga, mampu menjadikan pelajar TVET lebih berdaya saing menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Usaha dilakukan bagi menghasilkan sebuah buku ilmiah berkaitan dengan bakat bekerja bagi mendorong potensi dan kemampuan seseorang individu bagi menghasilkan kemahiran dan minat dalam sesuatu bidang.

Kecemerlangan Bakat Bekerja adalah satu penyelidikan yang amat menarik untuk dilaksanakan kajian lanjutan. Di mana topik penyelidikan bakat yang telah lama wujud sejak berabad dalam bidang pendidikan. Seiring dengan perubahan revolusi, maka corak modal insan turut berubah serentak dengan keperluan dan kehendak pekerjaan di industri. Oleh itu, masa depan negara Malaysia juga amatlah bergantung kepada pembangunan modal insan berbakat dan berkemahiran.

Semoga dengan adanya perkongsian ilmiah berkaitan pembangunan kerangka konsep Kecemerlangan Bakat Bekerja ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan kepada pihak yang berkepentingan untuk dijadikan rujukan bagi meningkatkan kualiti pelajar TVET melalui Kerangka Kecemerlangan Bakat Bekerja dalam melahirkan graduan berbakat seiring dengan kemahuan pihak industri.

Terbitan Terkini



MENCARI AKU DI SINI BERMULA SEGALANYA ANTARA KAU DAN AKU

Amir Aris, Suhaiza Sumadi, Angzzas Kassim

978-967-0061-76-4

RM31.00

Di sini Bermula Segalanya, Antara KAU dan Aku Pada setiap ujian yang kita tempuhi, past ada hikmah yang perlu kita santuni. Usaha sekali kita berputus asa dari rahmat Tuhan yang teramat luas dan banyaknya ia. Teruslah mencari dan merasai kerana tafakur kita amat mendekati kepada yang Esa. Kami persembahkan karya Mencari Aku dari hati ini untuk para pembaca. Semoga kita ditakdirkan berbondongan, beriringan dan berpimpinan melangkah masuk ke dalam syurga yang abadi. Kemuncak kebahagiaan yang diidam-idamkan. Abadan abada.



ICT INNOVATION FOR INDUSTRY 4.0 SOLUTIONS

Editors: ATIJAH MARSITHI, AZRIN AZLI SUHAIMI, MOHD HELMY ABD WAHAB, RADZI AMBAR

RM 40.00

The writing of the chapters in the book entitled ICT Innovation for Industry 4.0 Solutions came from the Technical Report of the Final Project Student Semester 5 December Session 2019, Diploma in Information Technology (Digital Technology), Department of Information and Communication Technology, Politeknik Muadzam Shah. This book consists of 10 chapters and the production of chapters in this book is an initiative implemented by the department in providing exposure to students in scholarly writing. This exposure is expected to cultivate their interest in research and publication activities.



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



GTU2030

Global Technopreneur University 2030